



PROJEK Moonlight Bay yang masih dalam pembinaan akhir.

## Moonlight Bay jadi destinasi pilihan di Pulau Pinang

Oleh Fazli Abdullah  
fazliabdullah@bharian.com.my

**M**OONLIGHT Bay, projek perumahan mewah di kawasan berbukit di Batu Feringgi, Pulau Pinang yang dibangunkan oleh Ivory Properties Group, menawarkan satu lagi pilihan bagi pemilikan dan pelaburan hartanah di Pulau Mutiara.

Projek itu merangkumi pembinaan 70 unit villa berharga di antara RM2.7 juta hingga RM4.58 juta seunit serta 20 unit kondominium berharga di antara RM1.238 juta hingga RM1.388 juta seunit.

Pengarah Projek, Murly Manokharan, berkata setiap unit vila ala Mediterranean itu mempunyai empat tingkat dan dilengkapi lif serta

menghadap laut.

Katanya, projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM190 juta itu, dibangunkan di kawasan seluas 5.6 hektar dan berstatus pegangan bebas.

Beliau berkata, vila dan kondominium berkenaan mendapat sambutan menggalakkan, termasuk daripada warga asing seperti Amerika Syarikat (AS), Britain, Itali, Hong Kong, Asia Barat dan Singapura.

"Apabila siap kelak, Moonlight Bay akan menjadikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pilihan bagi pelaburan hartanah bagi pelabur dari seluruh dunia," katanya sambil menambah ketika ini lapan unit vila dan beberapa unit kondominium masih belum dijual.

Murly juga memberi jaminan bahawa projek terabit mematuhi peraturan pembangunan tanah tinggi negara ini.

Katanya, tembok penahan yang dibina untuk projek itu juga memenuhi ciri dan reka bentuk keselamatan antarabangsa yang digunakan di AS dan Eropah.

Beliau berkata, ia juga mematuhi garis panduan bagi melindungi alam sekitar di lokasi projek dan kawasan berhampiran.

"Pasukan kejuruteraan mengatasi pelbagai cabaran ketika melaksanakan projek itu dengan setiap peringkat pembinaan dipantau dan disahkan tiga pasukan jurutera bebas," katanya ketika melawat projek itu, baru-baru ini.



MODEL perumahan vila ala-Mediterranean.